

20 Julai, 1981

MELAKA, Ahad — Menteri Kesihatan yang juga Setiausaha Agung MCA, Tan Sri Chong Hon Nyan berkata hari ini, beliau yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan meneruskan usaha-usaha perbincangan dan rundingan dengan pihak-pihak yang terlibat dalam kerajaan apabila hendak meminda atau menggubal satu-satu dasar.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Melaka berucap di mesyuarat tahunan MCA Bahagian Bandar Melaka di sini hari ini.

Katanya, di bawah pimpinan Tun Hussein Onn, dahulu rundingan dan perbincangan itu diadakan sebelum sesuatu dasar akan dipinda.

Katanya lagi: "Sekarang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambilalih tanggungjawab dan tugas Perdana Menteri yang juga Pengerusi Majlis Tertinggi Barisan Nasional, saya yakin beliau

Meminda sesuatu dasar...

Hon Nyan yakin Dr M akan runding

akan meneruskan proses demokratik yang telah lama berjalan ini iaitu perbincangan dan rundingan apabila sesuatu dasar hendak dipinda."

Katanya, ramai ahli MCA terkejut dengan kenyataan yang dibuat semasa perhimpunan agung UMNO baru-baru ini.

Menurutnya, MCA sentiasa setia pada objektif Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan ini menyebabkan sebahagian masyarakat Cina tidak menyukainya.

Bagaimanapun, katanya, sebagai ahli yang setia pada MCA dan menfadi komponen dalam Barisan Nasional, mereka akan membantah untuk menyatakan pendirian mereka jika mereka dituduh untuk menggagalkan DEB secara langsung atau tidak.

"Kami telah berjanji untuk sama-sama menjayakannya dan rekod kami sepanjang 10 tahun lalu membuktikannya," katanya.